

**Bantah TPPA: Bendera dan gambar presiden Amerika dibakar**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 19 , 2013**

Sekumpulan aktivis membakar patung Presiden Amerika, Barack Obama serta bendera Amerika malam semalam sebagai tanda bantahan terhadap kehadiran beliau ke negara ini.

Ia dibuat sempena pelancaran Jelajah #BantahObama #TolakTPPA di Taman Melati, Wangsa Maju malam semalam menjadi satu permulaan mobilisasi besar 'menyambut' kehadiran Presiden Amerika pada 11 Oktober ini di KLCC.

Majlis yang dianjurkan oleh Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMB) bersama SMM dan NGO Bantah TPPA dipanaskan dengan aksi 'bakar Obama' sebagai satu amaran penting simbolik penolakan terhadap perjanjian penuh kerahsiaan TPPA dan juga kehadiran Obama ke Kuala Lumpur.

Dalam aksi berkenaan, satu replika Obama dan bendera Amerika dibakar hingga rentung di depan ratusan hadirin.

Barack Obama dijadualkan ke Kuala Lumpur pada bulan depan untuk menjadi saksi majlis tandatangan penyertaan Malaysia dalam Perjanjian TPPA.

Namun tekanan yang hebat dari rakyat dan pelbagai NGO telah menyebabkan kerajaan Malaysia dikatakan menangguhkan majlis tandatangan untuk memeterai perjanjian tersebut.

Turut memeriahkan majlis pelancaran malam semalam ialah Ahli Parlimen Batu Tian Chua; Pengarah Pilihan raya PAS, Dr Mohamad Hatta Ramli; Pengerusi SAMB, Che'Gu Bard; aktivis Hishamuddin Rais, Adam Adli dan Safwan Anang.

Wakil NGO yang hadir antaranya ialah Syed Ibrahim (IKRAM), Azlan Awang (Blindspot), Sivarajan (JERIT).

Pengarah Propaganda Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMB) Jelajah #BantahObama #TolakTPPA, Edy Noor Reduan, berkata mereka akan merentasi seluruh negara merangkumi 13 lokasi dari setiap negeri.

Hari ini, jelajah siri kedua akan menyusul ke utara tanahair di Bayan Baru, Pulau Pinang bertempat di Tapak bekas Astaka Bukit Gedung bermula jam 8.30 malam, sebelum ke Kangar dan Alor Setar pada hari berikutnya. – 19 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bantah-tpa-bendera-dan-gambar-presiden-amerika-dibakar>

